



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
SIARAN MEDIA**

MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK PASPORT KESELAMATAN NIOSH

Kuala Lumpur, 07 Mac 2023 - MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK PASPORT KESELAMATAN NIOSH, dirasmikan oleh YB Sivakumar, Menteri Sumber Manusia di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

Program baru Pasport Keselamatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dikenali sebagai "NIOSH-TENAGA SAFETY LEADER PASSPORT (NTSLP)" dilancarkan dalam majlis ini. Program NTSLP ini mencipta sejarah kerana ia dibangunkan khas untuk kumpulan pengurusan kontraktor TNB termasuk penyelia serta jurutera, pengurus dan pengarah projek.

Dalam majlis apresiasi ini, sebanyak 15 rakan strategik akan menerima Sijil dan Trofi sebagai tanda penghargaan dalam menjayakan usaha NIOSH bagi memperkukuhkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat industri. Antaranya ialah PETRONAS, TNB, TM, SHELL MALAYSIA, PETRON, NESTLE, AIR SELANGOR, LLM, CENVIRO, ASTRO, SARAWAK ENERGY, AIR KELANTAN, E-IDAMAN, SABAH PORT DAN PETRONAS DAGANGAN.

Program Pasport Keselamatan NIOSH mula diperkenalkan pada tahun 2000, bagi menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Program "Contractor Safety Passport System (CSPS)" ini masih berjalan dan terus mendapat sambutan daripada pelbagai industri. Ia kemudiannya dikembangkan apabila mendapat permintaan daripada pihak industri.

Program latihan induksi ini dibangunkan bagi membantu industri dan majikan memberikan latihan dan maklumat asas berkaitan KKP kepada pekerja agar mereka mampu mengenalpasti dan menilai risiko dan mengambil langkah sesuai untuk mengelak berlakunya kemalangan dan penyakit di tempat kerja.

Ia juga dapat membantu memastikan pengurusan KKP kontraktor yang teratur serta menyelaraskan penyebaran maklumat KKP yang diiktiraf industri agar syarikat yang melaksanakannya dapat bersaing di peringkat kebangsaan dan global. Setiap peserta akan dilindungi insurans manakala proses semakan boleh dibuat dengan pantas secara atas talian.

Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994, majikan bertanggungjawab memberikan latihan dan maklumat berkaitan KKP kepada pekerja. Oleh yang demikian, program latihan induksi Pasport Keselamatan ini amat penting kerana ia mampu meningkatkan aspek KKP bagi sektor industri utama negara.

Modul yang dibangunkan juga wajib mematuhi peruntukan undang-undang termasuk AKKP 1994 selain perlu memenuhi hasrat kerajaan untuk mewujudkan "Budaya Kerja Selamat dan Sihat" sebagaimana dirancang di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25).

Berdasarkan statistik NIOSH, lebih sejuta pekerja telah menyertai latihan induksi di bawah program Pasport Keselamatan NIOSH dengan sektor minyak dan gas mencatatkan penyertaan tertinggi apabila sejumlah 427,394 pekerja menyertainya sejak tahun 2013, diikuti sektor tenaga (236,405 pekerja) dan telekomunikasi (116,369).

NIOSH bersama Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) bagi membangunkan modul Pasport Keselamatan untuk industri kreatif dan media.

Kementerian Sumber Manusia melalui NIOSH juga menawarkan Kursus *Safety Passport* kepada 5000 orang graduan dan lepasan Institut Pengajian Tinggi dan Institut Latihan Kemahiran dibawah inisiatif KPI 100 hari Ahli Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
7 MAC 2023
KUALA LUMPUR